

Cas pantas guna USB 3.0?

ADAKAH telefon pintar akan dicaskan dengan lebih pantas sekiranya menggunakan pelabuhan (*port*) bas bersiri semesta (USB) 3.0?

Perkara terjadi sekiranya pengecasan telefon bimbit menggunakan port USB yang ada pada komputer riba. Jadi, ciri-ciri dan spesifikasi bagi setiap jenis port USB ini perlu diketahui dan telah dibincang secara tuntas sebelum ini. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa pengecasan telefon pintar menerusi soket kuasa yang berada pada dinding adalah lebih baik.

Dari segi spesifikasi storan kuasa, pelabuhan USB 2.0 berupaya menempati kuasa elektrik sehingga 500 miliampere (mA) berbanding

Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com



port USB 3.0 berupaya menempati kuasa elektrik sehingga 900 mA.

Kebiasaannya, pengecasan berasaskan USB ini tidak mempunyai masalah terlebih kuasa cas sehingga terjadinya letupan. Oleh itu, pelabuhan USB 3.0 berupaya untuk mengecas peralatan elektronik yang berkuasa lebih rendah daripadanya tanpa merosakkan peralatan elektronik tersebut atau menambah kuasa pengecasan kepadanya.

Jadi, berbalik kepada isu sama ada pelabuhan USB 3.0 berupaya mengecas telefon pintar lebih pantas daripada biasa bergantung kepada keupayaan telefon pintar yang digunakan. Sekiranya, telefon pintar itu direka untuk tidak boleh menambah kuasa lebih daripada suatu aras spesifiknya, proses pengecasan tidak boleh dilakukan dengan lebih pantas daripada biasa.

Salah satu faktor utama lagi yang mempengaruhi proses pengecasan sesebuah telefon pintar adalah kabel pengecasan yang digunakan. Bgai mendapatkan pengecasan yang lebih pantas berbanding penggunaan pelabuhan USB 3.0 dan peralatan yang menyokongnya adalah kabel pengecasan yang berasaskan

kepada sambungan USB 3.0.

Perlu diingatkan sekali lagi bahawa pengecasan telefon pintar menerusi soket kuasa yang terdapat pada dinding adalah yang terbaik untuk dapatkan kadar pengecasan yang optimum dari segi kepantasannya. Cuba elakkan mengecas telefon pintar menerusi komputer riba atau komputer peribadi.

Namun begitu, perkara sebenarnya secara praktikal, spesifikasi bagi sesejenis USB berkadar kepada penarafan kuasa operasinya masih menjadi misteri dan tanda tanya.

Secara teorinya, versi terbaru sudah tertentu lebih baik berbanding versi sebelumnya merujuk kepada beberapa perbandingan.